

Pak Lah beri amaran tindakan tegas terhadap ahli Umno

# Politik wang dibanteras

BH - 26/7/2004: 1 & 6 Perdana

Oleh Ridzuan Yop  
dan Veena Rusli

SUBANG: Peraturan mencegah politik wang pada pemilihan barisan kepimpinan Umno lalu, akan digunakan dalam pemilihan kali ini dengan mereka yang terbukti terbabit dengan gejala itu, termasuk pada peringkat cawangan dan bahagian, akan dikenakan tindakan tegas.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menegaskan perkara itu semalam berkata, sebuah jawatankuasa pemantau mesyuarat bahagian, diketuai Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, akan meneliti semua perjalanan mesyuarat terutama berhubung dakwaan berlakunya politik wang.

"Jika terbukti politik wang ada lagi (sepanjang mesyuarat cawangan dan bahagian) tindakan patut diambil. Kita (Umno), seperti pemilihan lalu akan menggunakan cara sama bagi memastikan gejala politik wang tidak berlaku," katanya.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno memberitahu pemberita demikian setibanya di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), di sini petang semalam selepas melakukan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat,

Perancis dan Britain.

Turut menyambut beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan beberapa menteri Kabinet serta pemimpin Umno dan parti komponen Barisan Nasional (BN).

Setakat ini, Lembaga Disiplin Umno menerima 73 aduan

membabitkan politik wang dan salah laku ahli sepanjang mesyuarat peringkat

kat cawangan dari 1 Jun hingga 30 Jun lalu. Lembaga itu masih menerima aduan seumpamanya daripada cawangan Umno di seluruh negara.

Sepanjang bulan lalu, 19,000 cawangan Umno di seluruh negara bermesyuarat, manakala 188 daripada 191 bahagian sudah bermesyuarat sejak 8 Julai. Beberapa bahagian yang diarah supaya mengadakan mesyuarat semula kerana masalah teknikal termasuk Segambut, Titiwangsa dan Gopeng, manakala Kepala Batas akan bermesyuarat 1 Ogos ini dan Tanah Merah pada 30 Julai.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Umno sebelum ini dilaporkan berkata, politik wang masih berlaku, terutama menjelang pemilihan parti pada 23 hingga 25 September ini.

**Menteri dilarang kempen  
guna media - Muka 6**



ABDULLAH disambut Najib di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, semalam, sekembalinya daripada lawatan ke Amerika Syarikat, Perancis dan United Kingdom.

LIHAT MUKA 6 ►

# 'Tiada masalah serius sepanjang mesyuarat'

## ► DARI MUKA 1

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan memutuskan pembentukan jawatankuasa pemantauan mengikut zon untuk mengesan ahli Umno yang menggunakan politik wang menjelang pemilihan parti.

Pembentukan jawatankuasa pemantauan itu bertujuan mencegah golongan yang mungkin cenderung menggunakan wang untuk mengumpul sokongan perwakilan.

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan perjalanan mesyuarat bahagian yang hampir selesai, Abdullah berkata, setakat ini beliau tidak mendengar sebarang masalah serius yang timbul sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mengenai ada cadangan supaya Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri yang kebanyakannya terdiri daripada Menteri Besar dan Ketua Menteri tidak wajar bertanding kerusi ahli Majlis Tertinggi (MT) kerana kemungkinan besar dilantik sebagai ahli MT walaupun tewas dalam pertandingan, Abdullah berkata, sesiapa juga boleh memberi cadangan mereka.

"Terserah kepada mereka (Pengerusi Badan Perhubungan Umno) sama ada untuk bertanding atau sebaliknya," katanya.

Mengenai ada bahagian yang mahu menaguhkan mesyuarat, Abdullah berkata, mereka perlu mendapat kebenaran daripada ibu pejabat Umno terlebih dulu dan tidak boleh sengaja melengah-lengahkannya tanpa alasan munasabah.